

Headline	Rentas tasik 3 jam bantu Orang Asli		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jan 2015	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	481 cm ²
AdValue	RM 18,581	PR Value	RM 55,743



Rentas tasik 3 jam bantu Orang Asli

Grik: Seramai 30 sukarelawan Institut Onn Ja'afar (IOJ) bergerak ke Kampung Sungai Chiong, di sini, untuk membantu membaik pulih rumah perkampungan Orang Asli yang dilanda musibah banjir, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif IOJ Charles Mohan berkata, institut itu memilih untuk ke perkampungan Orang Asli berikutan ramai terlepas pandang kesengsaraan masyara-

kat terbabit yang turut terjejas akibat bencana berkenaan.

"Kita lihat banyak badan bukan kerajaan memberi tumpuan kepada pembersihan sekolah dan kawasan perumahan, jadi saya rasa ini sesuatu yang lain daripada lain kerana Orang Asli kerap terlepas pandang.

"Kita harus tahu mereka juga menjadi mangsa banjir," katanya.

Biarpun terpaksa menaiki

feri selama tiga jam untuk merentas Tasik Temenggor, sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi MARA tetap bersemangat melakukan gotong-royong di perkampungan itu.

Balai serbaguna kampung yang terbiar turut diubah suai IOJ dengan menggunakan tenaga penduduk tempatan

manakala sukarelawan pula membersihkan dan mengecat balai itu.

Selain itu, IOJ turut menyediakan taska sementara



SUKARELAWAN bergotong-royong memunggah kotak bantuan untuk disampaikan kepada penduduk Orang Asli di Grik, Perak.

Headline	Rentas tasik 3 jam bantu Orang Asli		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jan 2015	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	481 cm ²
AdValue	RM 18,581	PR Value	RM 55,743



SUKARELAWAN menyediakan peralatan pembelajaran prasekolah untuk taska anak Orang Asli.